

26 NOV 1996

Analisis berita

APEC MELANGKAH KE HADAPAN BERSAMA MAPA

Oleh: Yong Soo Heong

MANILA, 26 Nov (Bernama) --Mereka yang terlibat di Mesyuarat para Pemimpin Ekonomi Apec berasa bangga kerana mereka telah bersama-sama menggerakkan Apec ke hadapan.

Dan inilah yang dijangkakan oleh Filipina, sebagai pengerusi tahun ini, yang mahukan kejayaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memuji sidang kemuncak Manila kerana telah berjaya merumuskan Pelan Bertindak Manila untuk Apec (Mapa) yang telah diterima oleh semua perwakilan.

"Sekurang-kurangnya kita tidak pulang dengan hampa," kata beliau.

Malaysia menunjukkan pendiriannya di Sidang Kemuncak Manila dengan menyatakan keanjalan mestilah ada apabila melaksanakan persetujuan, ini adalah berkaitan dengan Perjanjian TEKnologi Maklumat (ITA) yang telah dicadangkan oleh Amerika Syarikat.

Satu lagi bidang yang telah disumbangkan oleh Malaysia kepada Apec ialah cadangnya berkaitan dengan pengurangan jangka masa bagi menerima keahlian baru.

Jika cadangan itu dilaksanakan, Sidang Kemuncak Apec Kuala Lumpur 1998 akan menyaksikan kemasukan dua ahli baru, pada masa ini ia mempunyai 18 ahli.

Dr Mahathir bersetuju lebih banyak keahlian kerana ini akan dapat mengelakkan tentang ketidakfahaman objektif dan wawasan pertubuhan itu oleh mereka yang tidak menganggotainya.

Persetujuan berasama telah dicapai berkaitan Mapa yang telah memasukkan enam perkara penting untuk menggalakkan dagangan terbuka di rantau ini, iaitu mengurangkan halangan tarif dan bukan tarif, mempercepatkan laluan pasaran kepada sektor perkhidmatan yang berkaitan, memberikan suasana pelaburan yang terbuka, mengurangkan kos melakukan perniagaan, membangunkan sektor yang cekap dan terbuka dan memperkukuhkan kerjasama ekonomi dan teknikal.

Yang menariknya, perkara yang telah menarik perhatian ramai ialah ITA yang mahukan tarif dikurangkan kepada sifar ke atas kesemua produk IT menjelang 2000. Ini telah dibantah oleh Malaysia memandangkan tidak kesemua negara akan berupaya membuka pasaran mereka kerana mereka memerlukan masa yang lebih panjang.

Terdahulu apabila Mapa diumumkan terdapat kebimbangan Malaysia akan bertolak ansur mengenai perkara itu berikutan kemasukan satu perenggan mengenai ITA.

Perenggan itu menyatakan memandangkan kepentingan maklumat teknologi di kurun ke-21, para pemimpin Apec menyarankan bagi perumusan ITA oleh mesyuarat WTO yang akan membolehkan pengurangan tarif yang banyak menjelang tahun 2000.

Dr Mahathir menjelaskan Malaysia berpuas hati dengan semakan semula Mapa kerana ayat dalam pengisytiharan itu memberikan keanjalan jika Malaysia tidak bersedia untuk membuka pasarannya, ia tidak akan dikemukakan kepada ITA.

Beliau menyatakan Malaysia boleh menerima tarikh akhir 2000 tetapi "kami berasa mesti terdapat keanjalan dan ini telah dinyatakan dalam pengumuman itu."

Perdana Menteri menjelaskan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz telah memainkan peranan dalam memperbetulkan ayat perenggan berkaitan ITA itu.

Kedudukan Malaysia ialah jika Amerika Syarikat mahu mengurangkan tarifnya kepada sifar, itu adalah haknya.

Dr Mahathir menyatakan ia boleh menyokong ITA ke tahap ia tidak merugikan Malaysia.

"Mari kita akui ada orang lemah dan ada orang kuat," kata beliau sambil menambah kata perkara tersebut tidak seharusnya sebagai perdebatan politik.

Rafidah, dengan mengesahkan kedudukan Malaysia, seseorang harus realistik dalam perundingan kerana beberapa negara tidak mampu walaupun dengan langkah yang pertama kepada pasaran yang lebih terbuka.

Bagi Malaysia, beliau menyatakan sekitar 60 peratus produk telekomunikasinya telahpun bebas cukai. "Kami telahpun bergerak. (tetapi) ia adalah masalah prinsip," kata beliau.

Bagi Malaysia, ia akan mengaitkan peruntukkan khas di bawah Pusingan Uruguay bagi negara-negara yang membangun.

Tetapi pendirian kuat Malaysian itu telah dilabel sebagai "United Kingdom of Apec" sejajar dengan tindakan UK membantah Kesatuan Kewangan Eropah (EMU).--BERNAMA

SHY RIF